

# Waspada air pasang besar

## Fenomena itu diramal landa perairan Johor menjelang November

■ SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

**JOHORBAHRU**- Fenomena air pasang besar dijangka melanda kawasan perairan negeri ini menjelang November depan, justeru orang ramai yang berada di kawasan rendah berhampiran pantai dinasihatkan mengambil langkah berwaspada.

Pengarah Jabatan Meteorologi Johor, Amirzudi Hashim berkata, fenomena berkenaan dijangka bermula menjelang November depan dan kemuncak air pasang besar diramal berlaku pada 14 November.

"Fenomena air pasang

besar seperti yang berlaku di perairan utara baru-baru ini dijangka akan berlaku lagi. Namun kita masih belum dapat meramalkan situasi sebenar yang akan berlaku di Johor kerana keadaan masih terlalu awal.

"Dalam kejadian air pasang besar baru-baru ini, keadaan menjadi buruk apabila wujud tiga elemen pada masa sama. Ia melibatkan simulasi air pasang dengan tiupan angin kencang dan cuaca buruk iaitu ribut petir di perairan utara," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sehubungan itu, Amirzudi menasihatkan orang ramai khususnya penduduk di kawa-

san penempatan berhampiran perairan negeri ini agar sentiasa berjaga-jaga bagi menghadapi fenomena itu.

"Fenomena air pasang besar memang dijangka berlaku. Ia disebabkan kedudukan bulan berada hampir dengan bumi dan kemungkinan kawasan rendah berhampiran pantai akan dinaiki air.

"Sekiranya berlaku tiupan angin kencang dan keadaan cuaca buruk ketika fenomena itu berlaku, kemungkinan boleh menyebabkan situasi menjadi lebih buruk.

"Jadi, orang ramai dinasihatkan mengambil langkah sewajarnya bagi meng-

elakkan situasi tidak diingini berlaku sepanjang musim ini," katanya.

Kelmarin, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Johor mengeluarkan amaran meminta orang ramai bersiap sedia, susulan berlaku peningkatan luar biasa paras air laut di daerah Batu Pahat.

Pengarah APM Johor, Mat Zin Bujang berkata, peningkatan paras air laut mula melepasi paras tebing dan tembok pemecah ombak di sekitar Pantai Punggor, Batu Pahat.

Sebelum itu, pada 19 September lalu, negeri-negeri pantai barat Semenanjung termasuk Selangor, Perak, Kedah

## Paras air laut membimbangkan

APM minta anggota bersiap sedia hadapi kemungkinan fenomena air pasang besar

**BATU PAHAH** - Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Batu Pahat diminta untuk bersiap sedia kerana paras air laut di daerah ini telah meningkat secara luar biasa sejak beberapa minggu ini. Pengarah APM Johor, Mat Zin Bujang berkata, simulasi berkenaan telah memuncak kan labirin ombak di kalangan penduduk, mulai mereka berhampiran paras dan banjir lake tidak berlaku di kawasan kediaman mereka.



Kemungkinan ombak yang tinggi dari paras air laut yang melebihi ketinggian pemecah ombak membimbangkan penduduk setempat.



Air laut yang melimpah masuk ke darat dan bertekuk di kawasan rendah membolehkan banjir lake.

## Laporan Sinar Harian semalam berkaitan paras air luar biasa mula dikesan sekitar Pantai Punggor, Batu Pahat.

dan Pulau Pinang dilanda banjir akibat fenomena air pasang dengan angin kencang. Lebih 500 penduduk dari

negeri berkenaan terpaksa dipindahkan manakala Pantai Kelanang, Banting mencatat ombak setinggi 5.6 meter.